

Cubaan paksa Malaysia ikut telunjuk

25 AUG 1992

KUCHING: Isnin — Perdana Menteri hari ini menyifatkan tindakan pihak tertentu merosakkan nama baik dan pertumbuhan ekonomi negara ini sebagai cubaan meletakkan Malaysia mengikut telunjuk mereka.

Sambil meminta rakyat sentiasa berwasnada dengan perkembangan itu, Datuk Seri fir Mahathir Mohamad, berkata pihak dari dalam dan luar negara itu juga cuba menggugat kestabilan politik dan keamanan negara ini.

Menurutnya, sudah adatananda-tanda ramai pihak mula cemburu terhadap kejayaan dan kemajuan negara ini, seperti di bidang ekonomi, terutama perindustrian.

"Mereka juga cemburu dengan perjuangan kita dalam hal perdagangan, alam sekitar, hak asasi manusia, demokrasi dan kepentingan negara Selatan di forum antarabangsa.

"Pelbagai usaha dibuat oleh pihak ini, seperti pertuhuan bukan kerajaan (NGO), gabungan kesatuan sekerja serta pertumbuhan tempatan dan asing untuk merosakkan nama baik Malaysia dan pertumbuhan ekonomi kita," katanya.

Beliau, yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata demikian ketika berucap merasmikan perhimpunan agung tiga tahun sekali Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), disini hari ini.

Katanya, pihak terbabit menggunakan isu, seperti hak asasi manusia, kebebasan mengambil tindakan perusahaan, soal alam sekitar, pembalakan, demokrasi dan kaum Penan sebagai asas untuk menentang Malaysia.

Dr Mahathir menjelaskan, pihak ini kemudian cuba mempengaruhi negara yang berkawan baik dan mempunyai hubungan perdagangan dengan negara ini supaya jangan membeli barangan Malaysia.

Maiah, katanya, usaha Malaysia menuhukkan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAFTC) demi kepentingan ekonomi dan perdagangan penduduk rantau ini, turut mendapat tentangan pihak tertentu.

"Ini semua adalah bukti cubaan yang sedang dihuat untuk tidak mahu melihat Malaysia berjaya menjadi sebuah negara maju dengan rakyat menikmati taraf hidup yang setanding dengan mereka," katanya.

Mengenai kaum Penan, beliau berkata rakyat Sarawak harus menolak dakyah orang asing konon hidup alazaman batu lebih hahagia berbanding kehidupan moden.

Menurutnya, pendapat yang disemai oleh orang asing itu adalah faktor yang boleh menghalang pembangunan dan pembahagian kekayaan secara sama rata kepada semua kaum di negeri ini seperti diperjuangkan oleh kerajaan BN negeri.